

TREND SEKARANG

-Ringgit dijangka berada paras RM4.15 pada akhir 2019 (<https://www.bisnessinar.com/>)



(<https://www.bisnessinar.com/>)

LUASEMPIT TAMPIL KONSEP UNIK: PASAR MINGGU TERBESAR DI DUNIA DILENGKAPI KEMUDAHAN IOT



Seth (kiri) bergambar bersama barisan rakan niaga pada Majlis Memperkenalkan Luasempit Weekendmarket@MTC di Kuala Lumpur hari ini.



SUHARNE ZAINUDIN

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM



MALAYSIA Tourism City (MTC) yang bakal dibina oleh Meridian Bhd (Meridian) di Kuala Linggi, Melaka bakal mewujudkan pasar minggu terbesar di dunia yang dilengkapi kemudahan internet untuk segala-galanya (IoT), Luasempit Weekendmarket@MTC (Luasempit).

Ketua Pegawai Eksekutif Meridian, Datuk Seth Yap berkata, Luasempit dibina di atas harta tanah berkeluasan 40 hektar merangkumi 16 hektar kawasan tasik dan premis.

"MTC bakal menjadi syurga membeli-belah untuk rakyat Malaysia dan pelancong luar negara yang sering mencari produk terbaik pada tawaran hebat. Luasempit bakal menampilkan keunikan budaya masyarakat Malaysia," katanya.

Tambahnya, Luasempit diilhamkan daripada destinasi membeli-belah popular di Thailand, Chatuchak yang menerima kedatangan pelancong sebanyak 200,000 seharian.

Menurut Seth, pada tahun 2018 kedatangan pelancong ke Malaysia dicatatkan sebanyak 28 juta orang dan 15 juta daripadanya ialah daripada pelancong yang datang ke Melaka.

"Kami yakin, Luasempit Weekendmarket@MTC bakal meningkatkan lagi bilangan pelancong dalam negara dengan pertambahan sebanyak dua juta orang ke Melaka.

"Kami turut optimis menyasarkan pertambahan 1.5 juta pelancong akan bermalam di Melaka," katanya ketika berucap pada Majlis Memperkenalkan Luasempit Weekendmarket@MTC di Kuala Lumpur hari ini.

Pada majlis itu, Seth turut menandatangani perjanjian usahasama dengan tiga agensi lain iaitu, AirAsia, Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembawaan Malaysia (MATTA); dan Smart City Bangkok Metropolitan, Chah Chuk Chack dalam

● **Larangan guna tulisar produk bukan Muslim (<https://www.bisnessinar.com/tulisan-jawi-pada/>)**



● **Langkawi Premium Outlet baru Pulau Mahsuri (<https://www.bisnessinar.com/premium-outlet-ikonik-di-mahsuri/>)**

TIP HARI INI

Cara nak pilih dana unit yang sesuai

6 kelebihan melabur dalam amanah

10 Kunci Kejayaan Bisnes Melalui Internet

Tips: Urus kewangan dar

Hanna Delisha bagi tip urus kewangan kepada 300 p

TUKARAN WANG ASING

usaha meningkatkan bilangan kehadiran pelancong ke MTC di Kuala Linggi, Melaka sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara menerusi industri pelancongan.

Perjanjian usahasama itu telah disempurnakan di antara beliau bersama Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Big/ Ketua Pegawai Operasi AirAsia.com, Spencer Lee; Presiden MATTA, Datuk Tan Kok Liang; dan Pengarah Smart City Bangkok Metropolitan/ Lembaga Penasihat Chak Chuk Chak Thailand, Dr Poompichai Tarndamron.

Seth memberitahu, Luasempit bakal menawarkan 3,000 gerai jualan berkeluasan lebih kurang 100 kaki persegi untuk setiap kedai.

"Kadar sewa bulanan yang dikenakan bagi setiap tapak kedai ialah RM2,500. Menerusi kadar sewaan tersebut, usahawan bakal menerima kunjungan pelanggan termasuk dalam kalangan pelancong dari luar negara sebanyak dua juta sepanjang tahun."

"Selain itu, usahawan turut diberikan akses melakukan aktiviti perniagaan menerusi platform e-dagang, omni channel yang menyediakan lebih daripada 20 platform membeli-belah secara atas talian merentas sempadan seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Vietnam dan Filipina," katanya.

Nama Luasempit diinspirasikan daripada gabungan perkataan 'luas' dan 'sempit' yang mana ia bertepatan dengan konsep ditonjolkan iaitu memiliki kawasan luas yang dikhaskan untuk perniagaan berasaskan makanan dan minuman sementara kawasan sempit menawarkan pelbagai produk runcit buatan Malaysia dengan keunikan tersendiri seperti barang kraf.

"Setiap perniagaan di premis Luasempit akan dipilih bagi mengelakkan penawaran produk yang sama. Hanya tiga perniagaan yang sama sahaja dibenarkan. Sebagai contoh, jika peniaga cendol... hanya tiga gerai sahaja dibenarkan," katanya.

Currency Converter

MYR 1

MYR - Malaysian Ringgit

USD - US Dollar

(<https://www.facebook.com>)
▶ href=https%3A%2F%2F

VIDEO TERKINI



IKUTI KAMI

Seth memberitahu, selain Luasempit pelbagai pengalaman percutian menarik akan diperkenalkan di MTC yang bakal beroperasi pada September tahun hadapan.

"Antara tarikan lain yang bakal disediakan ialah *Instragrammable Spots*, tapak festival, pasar terapung, *bee farm & aquaponics*, *bamboo island* dan taman burung," katanya.

Rakan niaga lain yang turut terlibat di dalam menjayakan projek Luasempit Weekendmarket@MTC ialah Traveloka, DTR Group, GFuture, StoteHub, Store & Send, dropee, ipay88 dan EcoFirst Consolidated Bhd.



A ^
powerless in
world above the
law

f Likes

(<https://www.facebook.com/bisnes.sinar>)

Follow

(https://twitter.com/bisnes_sinar)



< Artikel Terdahulu

Artikel Seterusnya >

Traveloka Xperience beri pilihan kepada pelancong
(<https://www.bisnessinar.com/traveloka-xperience-beri-pilihan-kepadapelancong/>)

SP Setia catat skor tertinggi

(<https://www.bisnessinar.com/sp-setia-catat-skor-tertinggi/>)



Bisnes Sinar

[Like Page](#) 2.1K |



Bisnes Sinar

about an hour ago

"Persidangan PKS Masa D merupakan platform untuk mendapatkan maklumat, pendapat teknik penyelesaian masalah yang bersesuaian untuk mempercepatkan pertumbuhan pembangunan dalam persekitaran yang kompetitif." - Noor Azizan



BISNESSINAR.COM

Persidangan PKS Masa D

Tinggalkan Komen Anda

Nama

Email

Tulis komen anda...

(<https://www.sinarharian.com.my/article/45692/BERITA/Nasional/Saya-letak-jawatan-Anwar-akan-ganti-PM>)

Saya letak jawatan, Anwar akan ganti: PM

KUALA LUMPUR - Meskipun semalam Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memberitahu tiada jawatan kosong di Kabinet untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim namun, hari i...

Sinarharian

(<https://www.sinarharian.com.my/article/45692/BERITA/Nasional/Saya-letak-jawatan-Anwar-akan-ganti-PM>)



Owned by Sinar Karangkraf Sdn. Bhd.

A part of Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd.

Laman web bisnessinar.com (<https://www.bisnessinar.com>) adalah portal bisnes yang memaparkan berita-berita terkini mengenai dunia perniagaan di dalam dan luar negara.



(<http://https://helpline.com/BisnesSinar/bisnessinar/>)
HUBUNGI KAMI

Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-51017388

Faks : 03-51017333

Email : meja.bisnes@sinarharian.com.my

IKLAN DENGAN KAMI

Suzi :012-6111003

Zaza :019-2268697

DAPATKAN INFO & BERITA TERKINI

Nama

Email

Subscribe Now

© All Rights Reserved • Karangkraf Media Group

© Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf

^

[Polisi Data Peribadi \(/polisi-data-peribadi-karangkraf\)](/polisi-data-peribadi-karangkraf) [Syarat & Penafian \(/syarat-dan-penafian/\)](/syarat-dan-penafian/)